CIMB BANK CIMB ISLAMIC

**Notis Penting bertarikh 2 Oktober 2025**
**Notis Pindaan kepada Terma dan Syarat Kempen Keuntungan Bonus Penjual Mikro CIMB**

Pelanggan Yang Dihormati,

Harap maklum bahawa Terma dan Syarat sedia ada bagi "Kempen Keuntungan Bonus Penjual Mikro CIMB" (**"Terma dan Syarat"**) akan dipinda dan berkuat kuasa pada **23 Oktober 2025**.

Untuk memudahkan rujukan, jadual pindaan/klausa baharu Terma dan Syarat dinyatakan dalam lampiran di bawah.

Sila rujuk laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan Terma dan Syarat yang telah dipinda.

| Klausa Sedia Ada | Klausa Disemak |
|---|---|
| 8. Jika Peserta Layak adalah peserta secara serentak dalam mana-mana kempen CASA/-i lain yang sedang berjalan atau skim promosi yang dianjurkan oleh CIMB, Peserta Layak hanya akan layak untuk memenangi atau menerima ganjaran dan/atau hadiah di bawah salah satu daripada mana-mana kempen atau skim promosi tersebut sahaja. CIMB merizabkan hak dan budi bicara mutlak untuk menentukan kempen atau skim promosi yang terpakai kepada Peserta Layak yang berkenaan tanpa notis. | 8. Jika Peserta Layak adalah peserta secara serentak dalam mana-mana kempen CASA/-i lain yang sedang berjalan atau skim promosi yang dianjurkan oleh CIMB, Peserta Layak hanya akan layak untuk memenangi atau menerima ganjaran dan/atau hadiah di bawah salah satu daripada mana-mana kempen atau skim promosi tersebut sahaja. CIMB berhak untuk menentukan kempen atau skim promosi yang terpakai kepada Peserta Layak yang berkenaan tanpa notis. |
| 10. Untuk menyertai Kempen ini, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi oleh Peserta Layak:<br><br>**<u>Keuntungan Bonus</u>**<br><br>a. Peserta Layak mesti berjaya membuka Akaun Semasa-i CIMB baharu (**"Akaun Penyertaan"**) atas nama tunggalnya sebagai pemegang akaun utama melalui borang permohonan dalam talian di pautan khas dan melengkapkan pembiayaan deposit sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) permulaan semasa Tempoh Kempen.<br><br>b. Peserta Layak mesti berjaya mendaftar untuk CIMB Clicks ID dan memuat turun Aplikasi CIMB OCTO.<br><br>Peserta Layak yang telah berjaya memenuhi Klausa 10 (a) hingga (b) selepas ini hendaklah dirujuk sebagai **"Pemegang Akaun Layak"**.<br><br>**<u>Ganjaran Tunai</u>**<br><br>c. Memenuhi Klausa 10 (a) hingga (b) dan kemudiannya, Pemegang Akaun Layak mesti menerima sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi QR P2P masuk (**"Transaksi** | **<u>Keuntungan Bonus</u>**<br><br>10. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Peserta Layak yang berjaya membuka Akaun Semasa-i CIMB baharu (**"Akaun Penyertaan"**) atas nama tunggalnya sebagai pemegang akaun utama melalui borang permohonan dalam talian di pautan khas semasa Tempoh Kempen akan berhak menerima kadar keuntungan bonus sebanyak 0.50% setahun (p.a.) (**"Keuntungan Bonus"**) secara bulanan untuk Baki Purata Bulanan (**"MAB"**) sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) dalam Tempoh Kempen, bermula dari bulan pembukaan Akaun Penyertaan.<br><br>**<u>Ganjaran Tunai</u>**<br><br>11. Untuk layak memperoleh Ganjaran Tunai Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) (**"Ganjaran Tunai"**), Peserta Layak mesti memenuhi kriteria kelayakan berikut (**"Kriteria Kelayakan"**) dalam Tempoh Kempen:<br><br>a. Peserta Layak mesti berjaya membuka Akaun Semasa-i CIMB baharu (**"Akaun Penyertaan"**) atas nama tunggalnya sebagai pemegang akaun utama melalui borang permohonan dalam talian di pautan khas; dan |

**Layak"**) dalam Akaun Penyertaan yang baru dibuka dalam tempoh dua (2) bulan berikutnya dari bulan pembukaan akaun. Bagi tujuan ilustrasi:

| Pemegang Akaun Layak | Tarikh Pembukaan Akaun | Bulan Pembukaan Akaun | Tarikh Terakhir Untuk Menerima Minimum Tiga (3) Transaksi QR P2P Masuk |
|---|---|---|---|
| A | 17 Julai 2025 | Julai 2025 | 30 September 2025 |
| B | 31 Disember 2025 | Disember 2025 | 28 Februari 2026 |
| C | 15 Mac 2026 | Mac 2026 | 31 Mei 2026 |
| D | 8 April 2026 | April 2026 | 30 Jun 2026 |

b. Peserta Layak mesti berjaya mendaftar untuk CIMB Clicks ID dan memuat turun Aplikasi CIMB OCTO; dan

c. Peserta Layak mesti melengkapkan pembiayaan deposit permulaan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dan menerima sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi QR P2P masuk (**"Transaksi Layak"**) dalam Akaun Penyertaan yang baru dibuka dalam tempoh dua (2) bulan berikutnya dari bulan pembukaan akaun. Bagi tujuan ilustrasi:

| Pemegang Akaun Layak | Tarikh Pembukaan Akaun | Bulan Pembukaan Akaun | Tarikh Terakhir Untuk Menerima Minimum Tiga (3) Transaksi QR P2P Masuk |
|---|---|---|---|
| A | 17 Julai 2025 | Julai 2025 | 30 September 2025 |
| B | 31 Disember 2025 | Disember 2025 | 28 Februari 2026 |
| C | 15 Mac 2026 | Mac 2026 | 31 Mei 2026 |
| D | 8 April 2026 | April 2026 | 30 Jun 2026 |

Peserta Layak yang telah berjaya memenuhi Klausa 11 (a) hingga (c) selepas ini hendaklah dirujuk sebagai **"Pemegang Akaun Layak"**.

14. Setiap Pemegang Akaun Layak hanya layak untuk menerima Keuntungan Bonus untuk maksima satu (1) Akaun Penyertaan yang dibuka dalam tempoh kempen, yang mana lebih awal, tanpa mengira jumlah bilangan Akaun Layak yang dibuka dalam tempoh kempen.

14. Setiap Peserta Layak hanya layak untuk menerima Keuntungan Bonus untuk maksima satu (1) Akaun Penyertaan yang dibuka dalam tempoh kempen, yang mana lebih awal, tanpa mengira jumlah bilangan Akaun Penyertaan yang dibuka dalam Tempoh Kempen.

20. Ganjaran Kempen (**"Ganjaran"**) akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan Pemegang Akaun Layak seperti berikut:

| Ganjaran Kempen | Tempoh Pemenuhan |
|---|---|
| Kadar Keuntungan Bonus sebanyak 0.50% p.a. | Dalam 90 hari bekerja dari akhir Bulan Kempen |
| Ganjaran Tunai RM30 | Dalam 90 hari bekerja dari akhir dua (2) bulan Kempen dari bulan pembukaan akaun |

20. Ganjaran Kempen di bawah Kempen terdiri daripada Keuntungan Bonus dan/atau Ganjaran Tunai (**"Ganjaran"**) akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan Peserta Layak seperti berikut:

| Ganjaran Kempen | Tempoh Pemenuhan |
|---|---|
| Kadar Keuntungan Bonus sebanyak 0.50% p.a. | Dalam 90 hari bekerja dari akhir Bulan Kempen |
| Ganjaran Tunai RM30 | Dalam 90 hari bekerja dari akhir dua (2) bulan Kempen dari bulan pembukaan akaun |

21. Pemenang akan dimaklumkan oleh CIMB melalui SMS atau melalui or sebarang cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya.

21. Pemenang Ganjaran Kempen akan dimaklumkan oleh CIMB melalui SMS atau melalui or sebarang cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB (**"Pemenang"**).

| | |
|---|---|
| 25. CIMB bagaimanapun boleh mengubah tarikh pengkreditan Ganjaran mengikut budi bicara mereka tanpa memberi notis terdahulu kepada Peserta Layak. | 25. CIMB bagaimanapun boleh mengubah tarikh pengkreditan Ganjaran tanpa memberi notis terdahulu kepada Peserta Layak. |

Terima kasih.

Pihak Pengurusan
**CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad**